KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	TNB			

Bisnes



EMPANGAN hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang, Kelantan yang dijangka beroperasi pada 2026.

HM 08.11.2021_24

PERTINGKAT KAPASITI MENJANA RE

Projek empangan hidro di Nenggiri bakal salur 300 megawatt kepada Grid Nasional

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pembinaan empangan hidroelektrik di Nenggiri, Gua Musang, Kelantan yang dijangka beroperasi pada 2026 dilihat dapat membantu kerajaan meningkatkan kapasiti penjanaan tenaga boleh diperbaharui (RE) negara.

Projek empangan hidroelektrik Nenggiri bernilai RM5 bilion itu bakal menyalurkan 300 megawatt (MW) kepada Grid Nasional apabila siap nanti.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Ir Baharin Din berkata, pembinaan empangan itu bukan sahaja menyokong aspirasi kerajaan ke arah meningkatkan RE, malah membawa pelbagai manfaat dengan menyelesaikan beberapa isu demi kesejahteraan rakyat Kelantan.

Katanya, sebagaimana empangan lain milik TNB seperti di Skim Hidroelektrik Cameron Highlands, Sungai Perak dan Kenyir, empangan di Nenggiri bakal memberi manfaat tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh.

"Air yang ditakung dalam tasik takungan utamanya akan dilepaskan semula secara terkawal ke dalam Sungai Nenggiri dan ini dapat membantu mengawal banjir di hilir empangan ini.

"Selain membantu mengurangkan banjir, ia juga berupaya membantu kerajaan Kelantan mengatasi isu pembekalan air bersih serta pengairan untuk pertanian dan membuka peluang pekerjaan ketika pembinaannya dan mewujudkan peluang ekonomi baru di tasik takungan utamanya.

"Seperti dibuktikan di Tasik Banding di Perak (Empangan Temenggor) dan Tasik Kenyir di Terengganu (Empangan Sultan Mahmud), penduduk setempat juga akan meraih manfaat ekonomi terutamanya dari sektor pelancongan, rekreasi, pertanian, perniagaan kecil serta pembangunan prasarana," katanya dalam satu kenyataan.

Baharin berkata, empangan hidroelektrik Nenggiri akan meningkatkan kapasiti penjanaan RE TNB, sejajar menjadi penggerak utama peralihan industri tenaga negara," katanya.